

28/09/2003

Saya tidak gila kuasa: Dr M

Manja Ismail

MONTE CARLO (Monaco): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan mereka yang mempersoalkan keputusannya untuk bersara pada akhir bulan depan sebagai golongan yang tidak sanggup melepaskan kuasa yang dimilikinya.

Perdana Menteri berkata, golongan itu berpendapat bahawa selepas beliau mendapat kuasa begitu besar, kedudukan yang tinggi dan mengecapi kehidupan di puncak, tidak mungkin beliau berundur.

"Golongan ini tidak percaya kerana mereka fikir jika mereka berada di tempat ini (sebagai Perdana Menteri), mereka tidak akan berbuat demikian (berundur)," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan kerja dua hari ke sini di Hotel Hermitage di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai masih ada kalangan yang berharap beliau akan meneruskan jawatan sebagai Perdana Menteri dan pemimpin Umno.

Malah dalam sesi soal jawab dengan pelajar Malaysia sebelum itu, beliau diminta menjelaskan mengapa mahu meletak jawatan ketika masih sihat dan mampu memberikan banyak lagi sumbangan pada negara.

Perdana Menteri berkata: "Memang di mana-mana sekarang, orang ramai terutama pembangkang belum percaya saya akan benar-benar meletak jawatan.

"Pas kata, yang ini dia (Dr Mahathir) tidak akan lepas jawatan.

Walaupun Pas dah beberapa kali buat ramalan, tak kena tapi dia buat ramalan lagi. Setiap kali kita buat bajet, dia kata bajet pilihan raya. Dah tiga bajet, tiada pilihan raya, kali ini betullah ramalan dia," katanya.

Sambil menegaskan beliau akan meletak jawatan pada hari terakhir bulan depan, Dr Mahathir berkata selepas sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di Kuala Lumpur yang bermula 10 Oktober ini, beliau akan menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok.

Katanya, beliau terpaksa menghadiri persidangan itu kerana rakan sejawatnya dari Thailand, Thaksin Shinawatra, mahu beliau berada di sana atas kapasiti sebagai Perdana Menteri.

"Saya janji bulan Oktober, saya akan berhenti pada hujung Oktober, bulan puasalah. Itu adalah muktamad. Saya tidak boleh menarik semula keputusan saya, jika tidak saya tidak ada kredibiliti langsung.

"Saya dah berjanji nak letak jawatan, saya akan letak jawatan. Kalau boleh, pada tahun lepas tetapi kerana ada rayuan ketika itu, sebagai orang yang bertanggungjawab, terpaksa saya tunggu sehingga persidangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan OIC," katanya.

Sementara itu, ketika menjawab soalan pelajar sama ada semua dasar kerajaan yang berjaya membawa negara ke tahap sekarang akan diteruskan selepas ketiadaan beliau, Dr Mahathir yakin penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tidak akan menukarnya.

"Banyak orang berpendapat segala keputusan kerajaan adalah keputusan saya, itu tidak benar. Kita buat keputusan dalam Kabinet dan kita mengamalkan tanggungjawab bersama. Selepas kita semua bersetuju, barulah sesuatu dasar itu dilaksanakan.

"Beliau (Abdullah) sudah memberi pengakuan secara terbuka bahawa dasar lama akan diteruskan. Jadi saya tidak nampak ada perbezaan ketara kecuali perbezaan dari segi kepimpinan," katanya.